



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**JUMAAT 19 JANUARI 2024**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	APMM PERAK RAMPAS BUBU NAGA, NEGARA, KOSMO -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	SEKALI TANAM, TIGA KALI TUAI TINGKATKAN INDUSTRI NANAS NEGARA, NEGERI JOHOR, SH -26	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
3.	RAIH HASIL LUMAYAN LEPAS ITIK KE KAWASAN BENDANG, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN
4.	SUAMI ISTERI JANA PENDAPATAN DENGAN MADU KELULUT SELEPAS BERSARA, DALAM NEGERI, UM -31	
5.	SELANGOR PERLUAS KAEDAH TANAM PADI SEKINCHAN, NASIONAL, BH -9	
6.	3 SAHABAT USAHA LADANG INTEGRASI RAIH RM600,000, NASIONAL, BH -19	
7.	DARI AWAN BIRU KE LADANG, LOKAL, HM -24	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# APMM Perak rampas bubu naga

**LUMUT** – Operasi membantaras bubu naga di perairan negeri ini diteruskan apabila sebanyak 41 set barangan itu dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada kedudukan 2.3 batu nautika barat daya Pulau Talang kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Hambali Ya'akup berkata, bubu berukuran 10 meter panjang itu dikesan bot ronda APMM yang melaksanakan operasi di perairan berkenaan pada pukul 4.30 petang.

Menurutnya, ketika melalui kawasan itu, pihaknya ternampak pancang kayu bersama pelampung dalam keadaan mencurigakan di permukaan air.

"Pancang kayu itu merupakan penanda lokasi bubu naga yang dipasang mereka yang tidak bertanggungjawab.


"Kesemua barangan itu dirampas dan diserahkan kepada pegawai untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd. Hambali memberitahu, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)

(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Sabit kesalahan, mereka boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penggunaan bubu naga diharuskan Jabatan Perikanan mulai 1 November 2018 kerana boleh merosakkan ekosistem perairan. Ia juga menjejaskan sumber pendapatan nelayan pantai atau tradisional yang menangkap ikan menggunakan puakat hanyut.



ANGGOTA APMM menunjukkan bubu naga yang dirampas di perairan Pulau Talang, Lumut kelmarin.

## Sekali tanam, tiga kali tuai tingkatkan industri nanas negara



Sheikh Umar (kiri) melihat sulur atau benih nanas yang dikeluarkan dari pokok induk yang merupakan tuai kedua boleh menjana pendapatan buat pekebun nanas.

**JOHOR BAHRU** - Konsep sekali tanam, tiga kali tuai menjadi fokus utama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi meningkatkan industri nanas negara, pada tahun ini.

Pengerusi LPNM, Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, ia amat bersepatan dengan sasaran yang digariskan LPNM dalam kerangka merealisasikan tanaman nanas sebagai sumber kekayaan baharu dalam sektor pertanian.

"Sekali tanam tiga kali tuai bermaksud tiga peringkat tuai nanas. Pertama adalah buah, keduanya pula ialah benih dan ketiga, sisa.

"Ramai pekebun hanya menumpukan kepada tuai pertama dan kedua sahaja. Sekiranya tuai peringkat ketiga diambil kira sebenarnya pekebun mampu memperoleh

pendapatan tambahan yang tidak kurang lumayan.

"Berdasarkan kajian Bahagian Strategik LPNM, pekebun mampu meraih sehingga RM37,000 setiap hektar hasil daripada jualan sisa nanas," ujarnya menerusi kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, mengikut data di LPNM, satu ekar tanaman nanas boleh mengeluarkan sehingga lebih 50 tan sisa manakala bagi perkiraan kasar pula, satu tan sisa nanas boleh dijual pada kadar sehingga RM500 setiap tan.

"Jika kos pengurusan penanaman semula nanas untuk 1 ekar (dengan kepadatan minimum 15,000 pokok/ekar) pada harga RM1.50 setiap pokok, hasil jualan sisa tadi sahaja pun sudah mampu menampung

kos penanaman semula.

"Dengan erti kata lain, kos dapat dikurangkan, keuntungan dapat dilipat gandakan," katanya.

Jelasnya, LPNM akan meningkatkan usaha untuk memberikan pendedahan serta menarik minat pekebun nanas yang baharu dan sedia ada untuk mengembangkan dan meningkatkan lagi industri ini.

"Tambah pula kemunculan varieti baharu SG1 misalnya, terbukti mampu menampung kepadatan tanaman nanas pada kadar minimum 22,000 pokok setiap ekar.

"Selain itu, tempoh tuai lebih singkat SG1 pada kadar sembilan bulan berbanding purata 14 bulan bagi nanas MD2 misalnya, mampu melipat gandakan pengeluaran hasil nanas tanah air," katanya.

19/1/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

33



**MAT Zaki Dollah mengutip telur itik di kawasan bendang Kajang Sebidang, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.**  
- UTUSAN/ROHANA ISMAIL

## Raih hasil lumayan lepas itik ke kawasan bendang

**TUMPAT:** Seorang lelaki dari Kampung Kajang Sebidang di sini meraih hasil lumayan apabila itik peliharaannya mampu bertelur sebanyak 750 biji sehari selepas haiwan itu dilepaskan ke kawasan sawah padi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mat Zaki Dollah, 49, berkata, tindakan itu dilakukan memandangkan kerja-kerja menanam padi masih belum bermula.

"Hari biasa kesemua 1,800 ekor itik ini saya kurung dan pengeluaran telur hanya 650 biji sehari.

"Namun, bila saya lepas itik ini ke kawasan bendang padi

seluas 20 hektar, jumlah pengeluaran telur meningkat kepada 750 biji sehari," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mat Zaki memberitahu, sepanjang tempoh setahun, sebanyak tiga kali itik peliharaannya akan dilepaskan ke kawasan sawah padi, selebihnya dikurung di dalam reban.

Katanya, kesemua hasil kutipan telur itik ini dijual secara terus kepada peraih urtuk dijadikan telur masin.

"Sejurus kerja-kerja tanaman padi bermula, kesemua itik-itik itu akan dikurung bagi mengelakkan ia merosakan tanaman pesawah," ujarnya.

19/1/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

31

# Suami isteri jana pendapatan dengan madu kelulut selepas bersara

**TELUK INTAN:** Bermula untuk kegunaan sendiri, tanpa disangka lebah kelulut madu yang dimerak secara kecil-kecilan mendatangkan pulangan luar jangkaan buat sepasang suami isteri yang sudah bersara.

Bekas pegawai teknik di sebuah syarikat telekomunikasi, Mohd. Nasaruddin Ahmad Sidek, 65, dan isterinya, Ni Shafian Abdul Moin, 64, pesara guru akhirnya membuat keputusan menjadikan ternakan kelulut sebagai pendapatan sampingan selepas bersara.

Kawasan belakang rumah mereka yang sebelum ini ditanam kelapa sawit sebelum ditukar dengan buah-buahan kini menjadi kawasan ternakan kelulut.

Di kawasan kebun itu, pasangan tersebut membuat kotak sarang untuk kelulut mengeluarkan madu.

"Pada mulanya kami membeli sarang lebah kelulut daripada seorang rakan, hanya 10 sarang untuk peringkat awal.

"Ketika itu kelulut yang kami ternak hanya untuk kegunaan sendiri dan sebagai hi-



**MOHD. NASARUDDIN AHMAD SIDEK DAN ISTERINYA, NI SHAFIAN ABDUL MOIN MEMERIKSA SARANG MADU KELULUT YANG DIUSAHAKAN MEREKA DI KAMPUNG SELABAK, TELUK INTAN. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

asan keliling rumah.

"Saya tidak sangka 10 sarang yang kami usahakan mendapat hasil yang memuaskan dan ini memberikan kami semangat untuk menambah jumlah sarang dan kini ada 34 sarang yang mampu mengeluarkan hasil sehingga 18 kilogram

madu kelulut.

"Permintaan madu kelulut hitam semakin meningkat kerana khasiatnya yang mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi dan antibakteria yang paling baik," kata pasangan itu ketika ditemui di Selabak di sini.

USA GUANER

# Selangor perluas kaedah tanam padi Sekinchan

**Shah Alam:** Kerajaan negeri merancang memperluas kaedah penanaman padi di Sekinchan dalam daerah Sabak Bernam ke kawasan lain di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata usaha itu selaras dengan inisiatif 'Gelombang Padi' yang diumumkan Kerajaan Persekutuan, memandangkan hasil padi di kawasan itu lebih tinggi dan berkualiti, berbanding kawasan penanaman lain di Selangor.

Katanya, beliau memberi tanggungjawab khas kepada dua EXCO kerajaan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan penanaman padi, iaitu Datuk Ng Suee Lim dan Datuk Rizam Ismail bagi menguruskannya.

"Tugas ini kita berikan antaranya untuk melihat bagaimana kaedah mengembangkan formula penanaman di Sekinchan ke beberapa lokasi lain di Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

"Pengeluaran padi Sekinchan



Amirudin (duduk tengah) pada Majlis Graduasi Sekolah Digital Selangor di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

agak tinggi dan jumlahnya tidak sama serta berbeza dengan pengeluaran padi di tempat lain, antaranya di Tanjung Karang dan Sungai Panjang," katanya selepas Majlis Graduasi Sekolah Di-

gital Selangor di sini, semalam. Amirudin berkata, kaedah penanaman format lama iaitu tanam, tinggal dan tuai tidak boleh dilaksanakan dalam usaha memastikan hasil padi ke tahap

yang optimum.

"Ini bukan sekadar jentera dan teknologi tetapi juga bagaimana teknik dan kaedah penajaan sepanjang musim padi.

"Bukan lagi 3T iaitu tanam,

tinggal dan tuai. Jadi, ini yang akan kita kembangkan," katanya.

Sebelum ini, Amirudin berkata, hasil padi di Sekinchan yang tertinggi dalam negara dengan setiap hektar mampu menghasilkan 12 tan padi berbanding negeri lain, kira-kira empat tan.

Katanya, Selangor akan menerapkan pelbagai teknologi dan teknik terkini bagi memastikan hasil yang terbaik.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan inisiatif 'Gelombang Padi' digerakkan tahun ini bagi meningkatkan industri padi dan beras negara ke tahap lebih cekat dan berdaya tahan.

Katanya, Kementerian itu menggariskan 12 program untuk dilaksanakan menerusi inisiatif berkenaan sebagai 'pencetus perubahan' bagi transformasi industri padi dan beras negara, antaranya memperkenalkan dasar baharu Insentif Benih Padi Sah-



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2024	HARIAN METRO	LOKAL	24



## DARI AWAN BIRU KE LADANG

Dua bekas pegawai tentera udara usahakan tanaman dan ternakan di atas tanah seluas 15 ekar



DRON udara (UAV) dan darat (UGV) digunakan bagi meracun dan membaja tanaman yang terdapat di ladang integrasi moden di Labu Hill.

Nitai

**"B**erbudi pada tanah lambat laun akan dapat hasilnya". Ungkapan itu sesuai digambarkan mengenai usaha dua anak muda yang memilih untuk bersara awal daripada berkhidmat di Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan beralih ke bidang pertanian sejak tiga tahun lalu.

Mejar (B) Mohd Farid Daud, 37, berkata, pengalaman dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan penerbangan selama 10 tahun tidak disia-siakan sebaliknya dimanfaatkan sebaik mungkin untuk membangunkan ladang integrasi tanaman dan ternakan di Labu Hill, dekat sini.

Malah, ladang seluas 15 ekar di bawah syarikat Temin Legacy Sdn Bhd yang dimiliki bersama Mohd Farid, rakannya Kapten (B) Ahmad Haziq Mat Hasan, 37, serta abang Farid Mohd Affendy Daud, 43, mampu mengeluarkan hasil tanaman pertanian dan makaman sehingga 200 tan setahun dengan potensi pulangan minimum RM600,000.

"Kita bermula pada 2022 menggunakan modal sebanyak RM100,000, antara tanaman dan ternakan yang ada termasuk pisang, tebu, labu manis, rumput napier, ayam kampung dan ikan keli dengan kebanyakan benih pada peringkat permulaan dibeli daripada pembekal dari Banting, Selangor."

"Hasil pertanian itu kemudian kita pasaran ke Pasar Borong Sela yang Bandar Baru Bangi serta Seremban selain ada pemborong datang ke ladang kita untuk mendapatkannya," katanya ketika ditemui di ladang berkenaan.

Anak kelahiran Pahang itu berkata, penglibatan dalam sektor usahawan tani juga berikutan ia mempunyai potensi besar untuk terus berkembang pada masa akan datang selain menyambung legasi keluarga dalam bidang pertanian.

"Keluarga saya ada usahakan beberapa tanaman termasuk nurseri di Jerantut, jadi 'darah' itu mengalir dalam diri saya. Sebelum ini pun kami pernah usahakan ladang tanaman seluas 100 ekar di sana, tapi sejak berpindah ke Bangi, saya buat keputusan buka ladang di Negeri Sembilan," katanya.

Dalam pada itu, ditanya mengenai penjagaan tanamannya,

Bernama

beliau berkata, rutin merumput, membaja dan meracun akan dilakukan secara berkala mengikut pengaliran plot dan perlu mematuhi jadual tersebut bagi memastikan tanaman berada dalam keadaan baik.

Mengakui pernah berdepan kerugian hampir RM400,000 berikutan faktor ancaman haiwan perosak dan liar yang merosakkan tanaman, namun ia tidak mematahkan semangatnya untuk terus berbakti kepada tanah sekali gus membantu menjamin sekuriti makanan negara.

Mengenai perancangan masa hadapan, Mohd Farid berkata, pihaknya sedang mengintail peluang mengembangkan projek pertanian itu dalam skala lebih besar antara 100 ke 300 ekar secara berperingkat sekali gus mengaplikasikan penggunaan dron untuk proses tanaman itu.

"Untuk projek berskala besar, kita akan gunakan teknologi dron kerana ia lebih praktikal dan menjimatkan masa. Ketika ini, kita juga dalam proses mencari pelabur yang berminat untuk projek pertanian berkenaan yang dijangka diusahakan di Pahang."

"Kita turut menyasarkan untuk memasarkan produk hiliaran daripada hasil pertanian ini ke pasaran tempatan dan antarabangsa seperti China dan Amerika Syarikat dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, Ahmad Haziq yang juga bekas juruterbang TUDM berkata, keputusan mencubai bidang terbahit berikutan melihat potensi besar yang masih boleh diterokai melalui pertanian memandangkan

pasaran tempatan dilihat terbuka luas.

Selain itu, beliau berkata, penglibatan anak muda sebagai pelapis sangat penting kerana mereka mempunyai kekuatan fizikal dan mental untuk menajayakan industri pertanian sekali gus memastikan kelangsungan hasil makanan dalam negara.

Ahmad Haziq berkata, golongan itu perlu mengubah persepsi bahawa pekerjaan tersebut hanya sebagai batu loncatan sebelum mendapat pekerjaan lain atau lebih sesuai untuk golongan veteran atau orang di kampung.

"Tak ramai pemegang hajat berminat ceburkan diri dalam pertanian, walhal pengetahuan mereka sangat diperincikan termasuk menyesuaikan diri dengan teknologi moden seperti Internet Benda (IoT) dan kaedah pertanian terkini dengan cepat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2024	HARIAN METRO	LOKAL	25



MUHD Farid (tengah) melihat dron udara (UAV) dan darat (UGV) yang digunakan bagi memencil dan membaja di ladang integrasi moden di Batu Pahat.